

Headline	789 Bazaar Peduli Rakyat		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	06 Sep 2019	Color	Full Color
Section	EKONOMI	Circulation	37,981
Page No	34	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	391 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,643
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 10,930



FAMA sasar BPR di seluruh negara menjelang akhir 2021

789 Bazaar Peduli Rakyat

KUALA TERENGGANU: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) menyasarkan untuk memperluas Bazaar Peduli Rakyat (BPR) ke seluruh negara menjelang akhir tahun 2021, kata pengerusinya Ishak Ismail semalam.

Beliau berkata pihaknya yakin BPR yang menawarkan pelbagai barangan pada harga lebih murah berbanding harga pasaran, akan dilaksanakan di seluruh 222 kawasan Parlimen serta 576 kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) berikutan sambutan memberangsangkan daripada orang ramai di lima lokasi penganjuran program itu setakat ini.

“Sejak program pertama dilancarkan di Pulau Pinang pada 1 Februari lalu, BPR telah diadakan

secara bulanan. Ia bukan sahaja berjaya meningkatkan pendapatan usahawan kepada 40 peratus hingga 50 peratus, malah memberi peluang kepada orang ramai untuk mendapatkan pelbagai barangan dengan harga lebih murah sekitar lima hingga 30 peratus berbanding harga pasaran.

“Sehingga kini, BPR telah dilaksanakan di Pulau Pinang, Kelantan, Kedah, Negeri Sembilan serta Selangor dan terbukti memberi banyak impak positif sehingga banyak permintaan agar ia diadakan setiap bulan... kita akan terus perluaskan program ini agar rakyat seluruh negara menerima manfaatnya,” katanya kepada pemberita di program pelancaran BPR di sini semalam.

Turut hadir Pengerusi Lem-

baga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Muhammad Faiz Fadzil; Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Datuk Mazlan Alimin dan Pengarah FAMA Terengganu, Fauzi Mohamed.

Bazaar itu adalah hasil kerjasama strategik tiga agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani iaitu FAMA, LPP dan LKIM yang bertujuan memendekkan rantaian pemasaran barangan dari peladang, petani dan nelayan agar ia terus sampai kepada pengguna.

Ishak berkata pihaknya juga menyasarkan untuk melahirkan 2,000 usahawan baharu menjelang akhir tahun 2021 di seluruh negara melalui penganjuran bazaar itu.

“Di setiap lokasi, 30 peratus hingga 40 peratus dari-



FAMA menyasarkan untuk memperluas Bazaar Peduli Rakyat (BPR) ke seluruh negara .

pada usahawan yang berniaga ialah usahawan baharu.

Ini adalah platform untuk mereka memasarkan produk

kepada orang ramai.

“Kita bantu mereka untuk meningkatkan kualiti produk melalui jualan My Best Buy seterusnya dibantu lagi

hingga boleh memasuki pasar raya dan ke pasaran antarabangsa melalui Festival Malaysia,” katanya.

– Bernama